

Lelaki cederakan bekas suami kekasih dipenjara empat bulan

SIBU: Seorang lelaki yang mencederakan bekas suami kekasihnya dengan menggunakan sebilah pisau, dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Romario Jono yang mendengar serta menerima pengakuan bersalah tertuduh, Maxwell Milak, 23, memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu bermula daripada tarikh sabit kesalahan.

Maxwell terdahulu dituduh dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada bekas suami kekasihnya yang berusia 32 tahun dengan menggunakan sebilah pisau pada 21 Mac 2026, kira-kira jam 6.48 petang di

pekarangan sebuah rumah di Jalan Chong Sang.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau keduanya sekali, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, pengadu telah pergi ke sebuah rumah di Jalan Chong Sang untuk bertemu dengan anak-anaknya.

Namun setibanya di rumah terbabit, pengadu telah bertengkar dengan seorang lelaki iaitu tertuduh, yang dipercayai teman lelaki bekas isterinya.

Ketika pertenggaran itu,

lelaki terbabit telah mencederakan pengadu di bahagian pipi dengan menggunakan senjata tajam.

Pada 22 Mac 2026, kira-kira jam 1 pagi, pihak polis telah menahan tertuduh di rumah sama di Jalan Chong Sang bagi membantu siasatan serta merampas sebilah pisau sepanjang 19 sentimeter.

Siasatan yang dijalankan mendapati pengadu terlebih dahulu menumbuk tertuduh di bahagian muka yang kemudian menyebabkan tertuduh menghayun pisau ke arah pipi kanan pengadu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa ASP Sokolinkam Changgan, sementara tertuduh tidak diwakili.